

Kejayaan FELDA Hasil Kepimpinan Berwawasan Kerajaan BN - Muhyiddin Bernama
25 April, 2013

SEGAMAT, 25 April (Bernama) -- Kejayaan FELDA sehingga muncul sebagai antara syarikat perladangan kelapa sawit terbesar dunia adalah disebabkan kepimpinan berwawasan kerajaan Barisan Nasional (BN), kata Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Beliau berkata, jika masyarakat mahu melihat FELDA terus menempa kejayaan dengan kebajikan peneroka terus dipelihara, mereka perlu terus menyokong BN pada Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13) ini.

"Kejayaan FELDA sehingga berada di tahap dunia ketika ini adalah disebabkan pemimpin-pemimpin berwawasan dan berani BN seperti bekas Perdana Menteri kedua negara, Allahyarham Tun Abdul Razak (Hussein)," katanya.

Muhyiddin berkata demikian ketika menghadiri majlis pemimpin bersama rakyat di Dewan Putera, FELDA Palong Timur di Segamat, Khamis.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, peneroka FELDA perlu mengimbau kembali sejarah pergorbanan kepimpinan negara seperti Tun Abdul Razak yang mencetuskan penubuhan FELDA.

Beliau berkata hasil perjuangan pemimpin-pemimpin dahulu dan sedia ada dalam BN, warga peneroka termasuk generasi keduanya mendapat pelbagai kemudahan.

"Saya meminta pada 5 Mei (hari pengundian) nanti, semua dapat berfikir dengan rasional dan tidak emosional dengan memastikan BN terus kekal berkuasa," katanya.

Di bawah kerajaan BN, Muhyiddin berkata FELDA akan terus berkembang dengan pesat bagi memenuhi aspirasi pemimpin-pemimpin terdahulu yang berjuang untuk menubuhkannya.

Sementara itu, beliau berkata, BN merupakan sebuah parti politik yang sentiasa berpegang kepada janji dan berusaha sedaya upaya untuk menunaikan segala yang dijanjikan kepada rakyat.

Katanya, aku Janji BN adalah tidak sama dengan manifesto pembangkang yang hanya pandai menabur janji tetapi tidak berhasrat untuk menunaikannya.

Hadir sama pada majlis itu adalah calon BN Parlimen Segamat Datuk Dr S.Subramaniam, calon BN bagi Parlimen Sekijang Anuar Manap dan calon BN bagi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Buloh Kasap, Norshida Ibrahim.

--BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=945191>